



12 Ogos 2016
12 August 2016
P.U. (B) 356

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KOD MALAYSIA MENGENAI PENGAMBILALIHAN DAN
PERCANTUMAN 2016

MALYSIAN CODE ON TAKE-OVERS AND MERGERS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

KOD MALAYSIA MENGENAI PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 217 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri, atas syor Suruhanjaya, menetapkan kod yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kod ini bolehlah dinamakan **Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 2016**.

(2) Kod ini mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2016.

Am

2. Kod ini menyatakan prinsip am yang hendaklah dituruti dan dipatuhi oleh semua orang yang terlibat dalam apa-apa transaksi pengambilalihan atau percantuman.

Prinsip am 1

3. Setakat yang dapat dilaksanakan, semua pemegang syer penerima tawaran dari kelas yang sama hendaklah dilayan sama rata berkaitan dengan suatu tawaran pengambilalihan dan mempunyai peluang yang sama untuk menyertai dalam faedah yang terakru daripada tawaran pengambilalihan itu, termasuklah dalam premium yang kena dibayar bagi kawalan.

Prinsip am 2

4. (1) Seorang pengambil atau pembuat tawaran, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan lembaga pengarah penerima tawaran, hendaklah bertindak dengan suci hati dalam menuruti prinsip am yang dinyatakan dalam Kod ini dan apa-apa garis panduan, arahan, nota amalan dan arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Semua pemegang syer, terutamanya pemegang syer minoriti, tidak boleh tertindas atau berada dalam keadaan yang merugikan disebabkan oleh perlakuan dan

kelakuan pengambil atau pembuat tawaran, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau lembaga pengarah penerima tawaran itu.

Prinsip am 3

5. (1) Mana-mana orang yang—

(a) merupakan seorang pengambil yang bercadang untuk membuat suatu pengambilan yang boleh membawa kepada suatu obligasi untuk membuat tawaran pengambilalihan; atau

(b) merupakan seorang pembuat tawaran,

hendaklah memastikan bahawa dia mampu untuk melaksanakan tawaran itu sepenuhnya.

(2) Penasihat kewangan orang yang disebut dalam perenggan (1) hendaklah berpuas hati bahawa orang itu mampu dan akan terus mampu melaksanakan tawaran itu sepenuhnya.

Prinsip am 4

6. Penerima tawaran yang menerima suatu tawaran pengambilalihan atau yang dihampiri dengan tujuan supaya suatu tawaran pengambilalihan akan dibuat hendaklah, demi kepentingan pemegang syernya, melantik penasihat bebas yang berwibawa untuk memberi komen, pendapat, maklumat dan syor mengenai tawaran pengambilalihan itu.

Prinsip am 5

7. Semua pihak yang terlibat dalam sesuatu transaksi pengambilalihan atau percantuman hendaklah membuat penzahiran yang penuh dan segera mengenai semua maklumat yang relevan.

Prinsip am 6

8. Pemegang syer dan lembaga pengarah penerima tawaran dan pasaran bagi syer yang menjadi subjek kepada suatu tawaran pengambilalihan hendaklah diperuntukkan dengan—

(a) maklumat yang berkaitan dan mencukupi, termasuklah identiti seseorang pengambil atau pembuat tawaran, untuk membolehkan mereka membuat suatu keputusan termaklum mengenai tawaran pengambilalihan itu; dan

(b) masa yang munasabah untuk mempertimbangkan tawaran pengambilalihan itu.

Prinsip am 7

9. Apa-apa dokumen atau iklan yang ditujukan kepada pemegang syer yang mengandungi maklumat, pendapat atau syor daripada pembuat tawaran, lembaga pengarah pembuat tawaran, lembaga pengarah penerima tawaran atau penasihat mereka masing-masing hendaklah disediakan dengan standard penjagaan yang sama seolah-olah dokumen atau iklan itu merupakan suatu prospektus mengikut pengertian Akta.

Prinsip am 8

10. Pembuat tawaran, lembaga pengarah pembuat tawaran, lembaga pengarah penerima tawaran dan penasihat mereka masing-masing dilarang daripada membuat penzahiran terpilih kepada pemegang syer semasa suatu transaksi pengambilalihan atau percantuman, atau apabila transaksi sedemikian dalam pertimbangan, kecuali jika maklumat itu diberikan secara rahsia oleh lembaga pengarah penerima tawaran itu kepada seseorang yang berpotensi menjadi pembuat tawaran *bona fide* atau oleh seorang yang berpotensi menjadi pembuat tawaran *bona fide* kepada lembaga pengarah penerima tawaran itu.

Prinsip am 9

11. Walaupun lembaga pengarah pembuat tawaran dan lembaga pengarah penerima tawaran, dan penasihat dan orang yang bersekutu dengan mereka masing-masing

mempunyai kewajiban utama untuk bertindak demi kepentingan pemegang syer masing-masing, apa-apa garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya boleh menyekat lembaga itu atau orang-orang yang terlibat dalam suatu transaksi pengambilalihan atau percantuman daripada mengambil tindakan tertentu.

Prinsip am 10

12. (1) Tawaran pengambilalihan hendaklah dibuat kepada semua pemegang syer dalam kelas yang sama dalam suatu penerima tawaran bagi semua syer mengundi atau hak mengundi dalam penerima tawaran itu.

(2) Pembuat tawaran hendaklah, dalam hal suatu tawaran separa yang diluluskan, menerima syer mengundi atau hak mengundi itu dalam kadar yang sama daripada setiap pemegang syer penerima tawaran bagi mendapatkan peratusan pegangan yang telah ditentukan dalam penerima tawaran itu.

Prinsip am 11

13. Lembaga pengarah penerima tawaran hendaklah bertindak demi kepentingan pemegang syer secara keseluruhannya dan tidak boleh menafikan pemegang syer peluang untuk membuat keputusan mengenai tawaran pengambilalihan.

Prinsip am 12

14. Tempoh suatu penerima tawaran tertakluk kepada suatu pengambilalihan atau percantuman tidak boleh lebih panjang daripada yang munasabah.

Pengambilan menurut subseksyen 218(3)

15. (1) Bagi maksud subseksyen 218(3) Akta, seseorang pengambil yang telah mendapat kawalan dalam sesuatu syarikat tetapi tidak memegang lebih daripada lima puluh peratus syer mengundi atau hak mengundi dalam syarikat itu, boleh memperoleh syer mengundi atau hak mengundi tambahan dalam syarikat itu tanpa obligasi untuk melaksanakan tawaran pengambilalihan sekiranya dia memperoleh dua peratus atau kurang dalam mana-mana tempoh enam bulan.

(2) Jika pengambil itu memperoleh syer mengundi atau hak mengundi tambahan melebihi dua peratus dalam mana-mana tempoh enam bulan, pengambil itu dikehendaki untuk melaksanakan tawaran pengambilalihan menurut peruntukan Kod ini dan apa-apa garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Pembatalan dan kecualian

16. (1) Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 2010 [*P.U. (B) 538/2010*] dibatalkan.

(2) Semua transaksi pengambilalihan dan percantuman yang telah dimulakan atau dilaksanakan sebelum permulaan kuat kuasa Kod ini hendaklah diuruskan di bawah peruntukan Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 2010 seolah-olah Kod itu tidak dibatalkan.

Bertarikh 11 Ogos 2016

[SC/GC (R&R)/Subsidiary-TOM Code/2015 (210)-1; KK/SID/P/(S)/483/669/4 JLD. 2 (SK.1); PN(PU2)662/XI]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

CAPITAL MARKETS AND SERVICES ACT 2007

MALAYSIAN CODE ON TAKE-OVERS AND MERGERS 2016

IN exercise of the powers conferred by section 217 of the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671], the Minister, on the recommendation of the Commission, prescribes the following code:

Citation and commencement

1. (1) This code may be cited as the **Malaysian Code on Take-overs and Mergers 2016**.

(2) This Code comes into operation on 15 August 2016.

General

2. This Code sets out the general principles that shall be observed and complied with by all persons engaged in any take-over or merger transaction.

General principle 1

3. So far as practicable, all shareholders of an offeree of the same class shall be treated equally in relation to a take-over offer and have equal opportunities to participate in benefits accruing from the take-over offer, including in the premium payable for control.

General principle 2

4. (1) The acquirer or offeror, as the case may be, and the board of directors of the offeree, shall act in good faith in observing the general principles set out in this Code and any guidelines, directions, practice notes and rulings issued by the Commission.

(2) All shareholders, particularly minority shareholders, shall not be subject to oppression or disadvantage by the treatment and conduct of the acquirer or offeror, as the case may be, or of the board of directors of the offeree.

General principle 3

5. (1) Any person who—

(a) is an acquirer who proposes to make an acquisition which may lead to an obligation to make a take-over offer; or

(b) is an offeror,

shall ensure that he is able to implement the offer in full.

(2) The financial advisers of the person referred to in paragraph (1) shall be satisfied that the person is able and will continue to be able to implement the offer in full.

General principle 4

6. An offeree which receives a take-over offer or is approached with a view to a take-over offer being made shall, in the interests of its shareholders, appoint a competent independent adviser to provide comments, opinions, information and recommendation on the take-over offer.

General principle 5

7. All parties involved in a take-over or merger transaction shall make full and prompt disclosure of all relevant information.

General principle 6

8. The shareholders and the board of directors of an offeree and the market for the shares that are the subject of a take-over offer shall be provided with—

(a) relevant and sufficient information, including the identity of the acquirer or offeror, to enable them to reach an informed decision on the take-over offer; and

(b) reasonable time to consider the take-over offer.

General principle 7

9. Any document or advertisement addressed to the shareholders containing information, opinions or recommendations from the offeror, the board of directors of an offeror, the board of directors of an offeree or their respective advisers shall be prepared with the same standard of care as if the document or advertisement was a prospectus within the meaning of the Act.

General principle 8

10. An offeror, the board of directors of an offeror, the board of directors of an offeree and their respective advisers are prohibited from making selective disclosure to the shareholders in the course of a take-over or merger transaction, or when such transaction is in contemplation, except where such information is provided in confidence by the board of directors of the offeree to a *bona fide* potential offeror or by a *bona fide* potential offeror to the board of directors of the offeree.

General principle 9

11. While the board of directors of an offeror and the board of directors of an offeree, and their respective advisers and associates have a primary duty to act in the best interests of their respective shareholders, any guidelines and rulings issued by the Commission may restrict the board and persons involved in a take-over or merger transaction from undertaking certain actions.

General principle 10

12. (1) A take-over offer shall be made to all shareholders within the same class in an offeree for all the voting shares or voting rights in the offeree.

(2) The offeror shall, in the case of an approved partial offer, accept such voting shares or voting rights in the same proportion from each shareholder of an offeree in order to achieve the specified percentage of holding in the offeree.

General principle 11

13. The board of directors of an offeree shall act in the interests of the shareholders as a whole and shall not deny the shareholders the opportunity to decide on the take-over offer.

General principle 12

14. The period in which an offeree is subject to a take-over or merger shall not be longer than what is reasonable.

Acquisition pursuant to subsection 218(3)

15. (1) For the purpose of subsection 218(3) of the Act, an acquirer who has obtained control of a company but does not hold more than fifty per centum of the voting shares or voting rights of the company, may acquire additional voting shares or voting rights in the company without the obligation to undertake a take-over offer if he acquires two per centum or lower in any period of six months.

(2) Where the acquirer acquires additional voting shares or voting rights of more than two per centum in any period of six months, the acquirer is required to undertake a take-over offer in accordance with the provision of this Code or any guidelines, directions, practice notes and rulings issued by the Commission.

Revocation and saving

16. (1) The Malaysian Code on Take-overs and Mergers 2010 [*P.U. (B) 538/2010*] is revoked.

(2) All take-over and merger transactions that have been commenced or undertaken before the commencement of this Code shall be dealt with under the provisions of the Malaysian Code on Take-overs and Mergers 2010 as if the Code has not been revoked.

Dated 11 August 2016

[SC/GC (R&R)/Subsidiary-TOM Code/2015 (210)-1; KK/SID/P/(S)/483/669/4 JLD. 2
(SK.1); PN(PU2)662/XI]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance